

## **PENGANJURAN KURSUS 'HELSMAN MATE DOMESTIC LESS THAN 500 GRT' UNTUK PENDUDUK TEMPATAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN DI PULAU TAMAN LAUT MALAYSIA**

Oleh:  
Izarenah Md Repin

Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) meneruskan lagi usaha murninya dalam melibatkan penduduk dan pihak berkepentingan tempatan dalam pengurusan bersepadu Taman Laut dengan menganjurkan Kursus '*Helsman Mate Domestic Less Than 500 GRT*' oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Perlesenan JTLM bersama-sama Projek GoM/UNDP/GEF: *Marine Park*. Ia merupakan sebuah kursus untuk melahirkan Jurumudi yang diiktiraf dan berlesen. Kursus ini adalah terbuka khususnya untuk penduduk dan pihak berkepentingan tempatan di pulau-pulau Taman Laut di Malaysia.

Kursus ini telah diadakan selama 10 hari bermula pada 5 hingga 15 November 2008 yang lalu bertempat di Pusat Taman Laut Pulau Tioman, Pahang. Seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada 11 orang penduduk tempatan Pulau Tioman dan ahli Rakan Park Tioman; 2 peserta masing-masing dari Pulau Sibul dan Pulau Tinggi, Johor; 4 peserta terdiri daripada pengusaha pelancongan tempatan dari Pulau Redang, Terengganu dan 4 peserta merupakan kakitangan Pejabat Taman Laut Negeri Pahang. Mereka ini merupakan peserta yang bertuah kerana terpilih untuk menyertainya di antara berpuluh-puluh permohonan lain yang diterima oleh pihak JTLM. Kursus ini yang dibiayai oleh JTLM adalah bertujuan untuk membantu melahirkan penduduk tempatan memiliki lesen yang diiktiraf untuk memandu bot agar mereka dapat berkecimpung dalam sektor eko-pelancongan sebagai pemandu bot pelancong. Menurut salah seorang peserta kursus iaitu En. Atan b. Jaafar dari Kg. Paya, Pulau Tioman, Kursus ini adalah pertama kalinya dianjurkan oleh JTLM dan ia merupakan satu usaha yang baik dalam membantu penduduk tempatan menjana sara hidup mereka sebagai pemandu bot pelancong. Manakala seorang lagi peserta iaitu En. Jeffery Koh Lai Kiat dari Pulau Redang pula mengucapkan setinggi

penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak JTLM kerana menganjurkan kursus seumpama ini.

Jabatan Taman Laut Malaysia menerusi Projek GoM/UNDP/GEF: *Marine Park* yang sedang berjalan akan meneruskan usaha-usaha melibatkan penduduk dan pihak berkepentingan tempatan dalam pengurusan bersepadu Taman Laut di masa hadapan dengan penganjuran kursus dan program yang lain seumpama ini.



Cikgu Hadi memberi penerangan kepada peserta



Para peserta memberi tumpuan di dalam kelas



Penyampaian cenderamata kepada tenaga pengajar semasa upacara penutup Kursus



Para peserta Kursus Helsman Mate Domestic 2008